

Tingkat 2, Blok A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
STATE SECRETARY OF PAHANG

• Telefon : 09-5162253
09-5126601
• Fax : 09-5156106

SUK.PHG/KT.003/2.06(41)

SURAT PEKELILING YB. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
"AC/DC LANE" DI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

GARIS PANDUAN SUMBANGAN PEMBINAAN
"AC/DC LANE" DI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menetapkan serta menyeragamkan syarat pembinaan "AC/DC lane" di semua Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut amalan sekarang, penetapan syarat "AC/DC lane" oleh PBT adalah berdasarkan nasihat Jabatan Kerja Raya di daerah berkaitan. Oleh kerana kos pembinaan "AC/DC lane" yang tinggi dan tidak ekonomik bagi pemajuan berskala kecil maka dicadangkan pembinaan persimpangan yang sempurna (dilengkapi "AC/DC lane") diserahkan kepada kerajaan manakala pemaju dikenakan sumbangan pembinaan "AC/DC lane".

LATAR BELAKANG

2. Mengikut Arahan Teknik Jalan, Jabatan Kerja Raya, lorong "acceleration lane" dan "deceleration lane" (AC/DC lane) perlu dibina bagi semua pembangunan yang menghadap jalan utama sama ada jalan persekutuan/jalan negeri yang mempunyai kapasiti lalulintas yang tinggi.

3. Reka bentuk "AC/DC lane" adalah tertakluk kepada kelajuan jalan iaitu seperti berikut :

Jadual 1 : **Jenis Kelajuan Rekabentuk dan Panjang Lorong Percepatan dan Perlambatan**

Design Speed Km/h	Panjang Lm (AC)	Panjang Tm (Taper)	Panjang Ld (DC)	Panjang Td (Taper)
40	110m	65m	40m	20m
60	170m	98m	77m	32m
80	252m	130m	96m	43m

Note : Lm - Length of merging

Tm - Minimum length of pavement taper for merging movements (m)

Ld - Length of deceleration lanes

Td - Minimum length of pavement taper for diverging movements (m)

4. Penyediaan "AC/DC lane" akan disyaratkan kepada pemaju apabila pemajuan yang akan dilaksanakan perlu mewujudkan persimpangan baru ke jalan persekutuan/negeri. Pembinaan satu persimpangan yang dilengkapi dengan "AC/DC lane" adalah sejumlah lebih kurang RM150,000.00.

6. Pada masa ini, pemajuan berskala kecil yang memerlukan persimpangan baru, dibenarkan membina persimpangan sementara sehingga isipadu lalulintas memerlukan kepada satu persimpangan yang sempurna. Walau bagaimanapun, pemajuan yang berskala besar disyaratkan supaya membina persimpangan yang dilengkapi dengan "AC/DC lane".

8. Isu yang dibangkitkan oleh pemaju adalah berkenaan dengan kos pembinaan "AC/DC lane" yang boleh menelan belanja sekitar

RM150,000 dan ke atas mengikut panjang "AC/DC lane" tersebut berbanding dengan kos pemajuan yang berskala kecil.

KADAR SUMBANGAN PEMBINAAN "AC/DC LANE"

9. Kadar sumbangan bagi pembinaan "AC/DC lane" dikenakan mengikut jenis pemajuan dan status PBT.

10. Pembangunan lot rumah/kedai/industri ringan yang berkeluasan kurang daripada 5 ekar, pemaju perlu membayar sumbangan "AC/DC lane" berdasarkan kadar seperti di **Jadual 2** berikut:

Jadual 2 : **Kadar Bayaran**

Kategori	Status PBT	
	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
i. Perumahan	RM 250/unit	RM 250/unit
ii. Perniagaan Bangunan Teres	RM 250/unit	RM 250/unit
iii. Perindustrian Ringan	RM 250/unit	RM 250/unit
Sederhana & Berat	RM 3,000/ekar	RM 2,000/ekar

Cara Bayaran Sumbangan Pembinaan "AC/DC Lane"

11. Bayaran sumbangan pembinaan "AC/DC lane" dikenakan semasa pemaju membuat permohonan kelulusan Pelan Bangunan dan Pelan Infrastruktur.

12. Bayaran sumbangan pembinaan "AC/DC lane" akan dimasukkan di dalam kelulusan Kebenaran Merancang (Borang C1) sebagai salah satu syarat kelulusan (sila rujuk **Lampiran 1**).

13. Bayaran hendaklah dibuat semasa Pelan Infrastruktur dikemukakan untuk kelulusan PBT.

14. Bayaran hendaklah dibuat menggunakan **Bank Deraf** sahaja di atas nama **Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang**. PBT akan mengeluarkan surat pengesahan penerimaan bayaran daripada pemaju seperti di **Lampiran 2**.

Pengecualian Bayaran Sumbangan

15. Pengecualian bagi bayaran sumbangan pembinaan "AC/DC lane" adalah bagi pembinaan bangunan untuk kemudahan awam.

16. Manakala pembangunan yang berkeluasan 5 ekar ke atas dan bangunan berbentuk "free standing", pembinaan "AC/DC lane" akan disediakan oleh pemaju.

AKAUN AMANAH SUMBANGAN PEMBINAAN AC/DC NEGERI PAHANG

Pengawalan Akaun

19. Akaun ini hendaklah dikawal oleh **Pengarah Jabatan Kerja Raya** selaku Pegawai Pengawal Akaun Amanah atau seorang pegawai di bawah kawalan pentadbirannya yang dilantik dengan sempurna olehnya secara bertulis untuk menjalankan tugas sebagai Pegawai Pengawal Akaun Amanah bagi pihak dan atas namanya;

Penggunaan Wang Di Dalam Akaun

20. Penggunaan Akaun Amanah ini adalah untuk melaksanakan segala perancangan dan aktiviti-aktiviti seperti mana berikut : -

- (a) Pembinaan "AC/DC lane" apabila keadaan pembangunan di persimpangan sementara memerlukan dinaiktaraf kepada "AC/DC lane" yang sempurna/lengkap;
- (b) Kerja-kerja yang berkaitan dengan menaiktaraf persimpangan jalan;
- (c) Kerja-kerja kepentingan segera dalam mengatasi masalah infrastruktur jalan; dan
- (d) Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan peningkatan sistem infrastruktur jalan termasuk kajian reka bentuk yang diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Sumbangan Pembinaan "AC/DC lane" Negeri Pahang.

Jawatankuasa Akaun Amanah Sumbangan Pembinaan "AC/DC Lane" Negeri Pahang

21. Keahlian Jawatankuasa Akaun Amanah Sumbangan Pembinaan "AC/DC lane" Negeri Pahang adalah seperti berikut :-

- [i] YB. Setiausaha Kerajaan Pahang (Pengerusi);
- [ii] YB. Pegawai Kewangan Negeri;
- [iii] Pengarah Tanah dan Galian Pahang;

- [iv] Pengarah Perancang Bandar dan Desa;
- [v] Setiausaha
Bahagian Kerajaan Tempatan,
SUK Pahang;
- [vi] Pengarah Jabatan Kerja Raya
(Setiausaha); dan
- [vii] Ahli Turut Hadir (semua Yang Dipertua Majlis
Perbandaran/Daerah dan jabatan teknikal yang
berkaitan)

TARIKH KUAT KUASA

22. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa 1 Januari 2014.



**(DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PJN., AAP., AMP)**

Bertarikh : 31 Disember 2013